

TARIKH	23 / 05 / 2016	SEKSYEN	Forum
MUKA SURAT	12	RUANGAN	



PELABURAN Tabung Haji tidak salah sekiranya institusi itu berperanan memaju dan membantu rakyat Malaysia. - GAMBAR HIASAN/IHSAN JABATAN PENERANGAN SARAWAK

## Buang persepsi negatif terhadap Tabung Haji

### SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin berkongsi pendapat tentang isu Tabung Haji yang semakin hangat diperkatakan. Setiap hari, di pejabat atau di media sosial, macam-macam tohmahan dan tuduhan yang saya baca. Ada yang kata Tabung Haji makan duit rakyat? Tabung Haji penipu? Terlalu banyak tuduhan negatif dan hal itu membuat saya berasa sangat sedih.

Saya membesar dengan melihat Tabung Haji sebagai sebuah institusi yang dilihat begitu gah dan suci. Tabung Haji telah memberi harapan dan bantuan kepada rakyat Malaysia beragama Islam yang kurang berkemampuan, menyimpan sedikit demi sedikit untuk menunaikan fardu haji yang wajib sekali seumur hidup.

Semua ahli keluarga saya menabung duit di Tabung Haji

dengan niat untuk ke Mekah. Menyimpan dengan Tabung Haji adalah pelaburan untuk akhirat dalam memenuhi rukun Islam yang kelima. Sebaliknya, mereka yang menyimpan dengan niat untuk mendapat pulangan harus merubah minda dan persepsi mereka.

Kalau hendak sentuh mengenai pelaburan yang Tabung Haji ada, bagi saya tak salah untuk melabur. Sekiranya untuk terus maju dan membantu rakyat Malaysia, kenapa tak boleh melabur?

Banyak juga pelaburan Tabung Haji yang berjaya tetapi rakyat Malaysia tidak tahu. Justeru, pihak media sepatutnya memainkan peranan dalam hal ini. Janganlah kita hidup dalam komuniti yang meracun fikiran rakyat supaya curiga dan benci.

**SYIKIN**  
Kuala Lumpur